

● Hujan lebat selama dua jam

● Ribuan pengguna terperangkap dalam kesesakan

KL, Selangor dilanda banjir kilat

Oleh ILAH HAFIZ AZIZ
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Ribuan pengguna jalan raya yang dalam perjalanan pulang ke rumah terperangkap dalam kesesakan lalu lintas apabila beberapa kawasan di sekitar ibu negara dan Selangor ditenggelami air akibat banjir kilat petang ini.

Kejadian banjir kilat itu berpunca daripada hujan lebat selama dua jam bermula pukul 4 petang.

Antara kawasan yang mengalami banjir adalah sekitar Bangi di Selangor dan Jalan Bangsar, Lebuhraya Besraya, Sungai Besi dan Jalan Rahmat berhampiran Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Kawasan lain adalah bulatan Sungai Besi menghala ke Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Universiti Malaya, Taman Wahyu serta Jalan Cheras berhampiran pusat beli-belah Leisure Mall, Jalan Pantai Baru, Bangsar, Kampung Malaysia Raya dan

Bandar Tasik Permaisuri.

Jurucakap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berkata, pihaknya menerima laporan kira-kira pukul 5.15 petang membabitkan beberapa jalan utama dinaiki air yang menyebabkan kenderaan sukar bergerak.

“Lebih merumitkan, terdapat beberapa kenderaan ditenggelami air di Jalan Kuching dan Jalan Rahmat seterusnya menyebabkan jalan raya itu bertambat padat.

“Walau bagaimanapun, setakat ini tiada laporan tanah runtuh dan pokok tumbang serta kemalangan jiwa diterima,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dalam perkembangan sama, jurucakap bomba ketika dihubungi mengesahkan terdapat kira-kira lima orang terperangkap di bawah jambatan berhampiran Jalan Syed Putra di sini, ekoran air Sungai Klang naik secara tiba-tiba.

“Tiada yang lemas, cuma mangsa gagal naik ke permukaan dan ter-

perangkap di bawah jambatan. Kerja-kerja menyelamat telah dijalankan oleh Unit Skuba,” katanya yang tidak mengetahui punca individu terlibat berada di bawah jambatan berkenaan.

Sementara itu, difahamkan kawasan yang terjejas di sekitar Bangi ialah berdekatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Sungai Ramal serta Bandar Baru Bangi.

Hujan dan angin kuat di sekitar kawasan itu juga mengakibatkan sebatang pokok besar tumbang dan merintang jalan di persimpangan Kajang arah selatan Kajang ke Bangi.

Laman Twitter Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), @LLMinfotrafik memberitahu, berlaku banjir kilat di pusingan U dekat Sungai Ramal iaitu dari arah plaza tol.

Laman itu turut mengesahkan, kawasan sekitar Besraya iaitu Kilometer 8.7 dan 8.8 arah Sungai Besi hingga ke Kampung Malaysia dilanda banjir dan menyebabkan trafik perlahan.



SEBUAH kereta terpaksa meredah banjir kilat di susur masuk ke lebuhraya Besraya berhampiran Kampung Malaysia Tambahan menghala Kuala Lumpur di Sungai Besi, Kuala Lumpur, setelah hujan lebat sejak awal petang semalam.